

Manusia berasal dari Adam

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

FIRMAN Allah yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, Nabi Nuh, dan juga keluarga Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing). (Mereka kembang biak sebagai) satu keturunan (zuriat) yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa mengetahui. (ali-Imran: 33 dan 34)*

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

Slepas Allah SWT menerangkan bahawa agama yang benar adalah Islam dan tauhid, perselisihan Ahli Kitab tentang agama ini hanya berpunca daripada perasaan dengki dan hasad, kejayaan serta kemenangan berpunca daripada ketaatan kepada Rasulullah SAW. Maka ayat-ayat ini, Allah SWT menjelaskan tentang orang yang paling dicintai dan dimuliakan oleh-Nya serta sebahagian daripada mereka dijadikan Rasul yang berperanan menjelaskan kepada umat manusia akan jalan cinta kepada Allah SWT dengan cara beriman kepada-Nya dan mentaati-Nya serta melakukan perbuatan yang diredai-Nya.

Ayat ke-33

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah telah memilih Nabi Adam, dan Nabi Nuh, dan juga keluarga*

Nabi Ibrahim dan keluarga Imran, melebihi segala umat (yang ada pada zaman mereka masing-masing).

Sebab Nuzul

Ibn Jauzi menukikkan dalam kitabnya *Zad al-Masir* daripada Ibn Abbas berkata: Yahudi mendakwa bahawa mereka adalah anak-anak Ibrahim, Ishak dan Yaakub a.s. Lantas mereka atas agama yang sama. Kemudian turunnya ayat ini.

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Ibn Kathir berkata: "Allah SWT mengkhabarkan bahawa beliau memilih rumah-rumah ini berbanding dengan sekalian penduduk bumi dipilih Adam a.s., diciptakan dengan tangan-Nya, ditiup daripada roh-Nya, malaikat diperintah sujud padanya, diajar segala nama, ditempatkan dalam syurga kemudian diturunkan ke bumi kerana hikmahnya".

ii. Al-Zajjaj berkata: "Maksud memilih dalam ayat ini ialah, Allah menjadikan mereka sesuci-suci makhluk-Nya dan sebaik-baik-Nya".

iii. Dikatakan nama Nabi Allah Nuh as sebagai nama Ajam yang diArabkan. Abu Sulaiman al-Dimashqi berkata: Nama Nuh a.s adalah as-Sakan dan dinamakan Nuh kerana banyak tangisannya dan sebab tangisannya ada lima pendapat:

Pertama: Kerana ia menangis terhadap dirinya. Inilah pendapat Yazid al-Raqashi.

Kedua: Dia menangis kerana dosa-dosa dan maksiat keluarga dan kaumnya.

Ketiga: Kerana permohonannya kepada Tuhannya berkenaan anaknya.

Keempat: Kerana doanya supaya kaumnya dibinasakan.

Kelima: Kerana beliau pernah melalui

berhampiran anjing yang terkena penyakit kusta lantas dihinanya.

iv. Al-Maraghi berkata: "Allah SWT memilih mereka dan menjadikan mereka orang pilihan di atas dunia dengan memberikan pangkat kenabian dan kerasulan kepada mereka.

"Orang pertama yang dipilih dan dimuliakan oleh Allah SWT ialah Nabi Adam AS sebagaimana Allah SWT: *Kemudian Tuhan-Nya memilih (dengan diberi taufiq untuk bertaubat), lalu Allah SWT menerima taubatnya serta diberi petunjuk. (Terjemahan: surah Taha: 122)* Daripada keturunannya, ada yang menjadi Nabi dan Rasul.

v. Maksud keluarga Ibrahim a.s. dengan tiga pendapat:

Pertama: Mereka yang di atas agamanya. Inilah pendapat Ibn Abbas dan al-Hasan.

Kedua: Iaitu Ismail, Ishak, Yaakub dan Asbat. Inilah pendapat Muqatil.

Ketiga: Nabi Allah Ibrahim sendiri. vi. Maksud Imran dalam ayat ini dengan dua pendapat:

Pertama: Bapa kepada Maryam. Inilah pendapat Hasan dan Wahab.

Kedua: Bapa kepada Musa dan Harun. Inilah pendapat Muqatil

vii. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Kata alamin adalah bentuk jamak dari 'alam oleh bahasa demikian juga al-Quran digunakan dalam erti kelompok yang anggotanya dihimpun oleh sekian banyak persamaan, dan yang berakal atau hidup. Kerana itu dikenal dan dinamai alam malaikat, alam manusia, alam jin, alam tumbuh-tumbuhan, tetapi bukan alam batu atau alam gunung".

Ayat ke-34

Firman Allah SWT yang

bermaksud: *(Mereka kembang biak sebagai) satu keturunan (zuriat) yang setengahnya berasal dari setengahnya yang lain. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa mengetahui.*

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Al-Maraghi berkata: Dimaksudkan dengan perkataan "Sebahagiannya dari yang lain" ialah mereka itu sepadan dan setingkat dalam kebaikan dan keutamaan. Ia sebab mereka menjadi orang yang mulia". Pengertian ini selaras dengan firman Allah SWT: *Orang munafik lelaki dan perempuan, setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain...* (Terjemahan surah al-Taubah: 67).

ii. Hamka berkata: "Menurut undang-undang berfikir secara ilmiah, dapatkah dibatalkan al-Quran, wahyu Ilahi kepada Muhammad SAW yang dicatat lengkap pada waktu Baginda masih hidup, lalu ditulis menjadi satu mushaf di zaman Abu Bakar dan diteruskan pada zaman Usman oleh satu panel yang sangat hebat orang-orangnya. Dengan kesepakatan di antara mereka tidak pernah selama 14 abad satu kalimat pun masuk kata-kata lain ke dalamnya?"

iii. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Ayat ini ditutup dengan menegaskan bahawa Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui, termasuk ucapan-ucapan menyangkut tokoh-tokoh yang disebut ayat ini, seperti Nabi Ibrahim a.s adalah orang Yahudi atau Nasrani dan Nabi Isa a.s adalah anak Tuhan dan lain-lain.

Semoga kita dapat mengikuti golongan yang menjadi pilihan Allah SWT seperti para Nabi dan Rasul serta yang mengikut jejak langkah mereka. Amin.